

31 OCT 2003

Singapura-Mahathir/I

AKHBAR SINGAPURA RAKAM PENGHARGAAN KEPADA DR MAHATHIR

SINGAPURA, 31 Okt (Bernama) -- Akhbar-akhbar Singapura hari ini merakamkan penghargaan kepada Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang bersara hari ini selepas menerajui kepimpinan negara selama 22 tahun.

Akhbar Straits Times dalam lidah pengarangnya berkata "agak sukar untuk membayangkan sebuah kawasan berjiran tanpa beliau. Pembetulan -- katakan sahaja pentas dunia."

"Beliau sedang berada pada kemuncak kekuasaan dan pencapaian, seperti yang dikatakan oleh peminatnya, malah beberapa pengkritik. Tetapi pada hari ini, beliau yang masih bertenaga meskipun sudah berusia 77 tahun, dengan rela hati menamatkan kepimpinannya dalam sebuah negara yang amat berjaya," kata akhbar berkenaan.

Rakyat Singapura antara lain, katanya, perlu melakukan penyesuaian dari segi pemikiran mereka.

"Akhbar ini yang pada ketika tertentu telah mengakibatkan kemarahan kerajaannya yakin beliau tidak akan hanya menyepikan diri di Langkawi untuk menulis memoirnya."

Lidah pengarang Business Times pula memberikan fokus kepada kekecewaan Perdana Menteri Malaysia terhadap orang Melayu.

Seperti yang selaku dikatakan oleh Dr Mahathir, masyarakat Melayu, yang merupakan kira-kira 60 peratus daripada jumlah penduduk negara, tidak memenuhi wawasan yang digariskannya untuk mereka, kata akhbar berkenaan.

Akhbar itu menarik perhatian bahawa awal tahun ini, Dr Mahathir menyatakan kekesalannya kerana selepas 35 tahun menjalankan tindakan secara tegas, masyarakat Melayu masih tidak berupaya bersaing tanpa bantuan kerajaan dan konsesi khas yang lain.

"Bagaimanapun, dalam lingkungan satu generasi, beliau meninggalkan Malaysia dengan sebuah kelas pertengahan yang kukuh (dan mungkin yang lebih penting kestabilan sosial, kelas pertengahan Melayu yang kuat)," kata Business Times.

Ia juga menyebut mengenai banyak kemajuan dalam membasmi kemiskinan. Dari 1982 hingga 2002, pendapatan per kapita rakyat Malaysia meningkat tiga kali ganda sehingga US\$4,000 dan paras kemiskinan mutlak pula menurun dari 35 peratus kepada 5 peratus.

Dan memandangkan beliau seorang yang kurang sabar, banyak perkara telah dapat dilakukan, kata lidah pengarang itu.

Akhbar itu memberikan contoh Jambatan Pulau Pinang yang disiapkan dalam tahun-tahun pertama kepimpinannya selain Lebuhraya Utara Selatan, di samping rangkaian gentian optik dan Malaysia juga merupakan pasaran kereta terbesar di Asean.

Dalam berhadapan dengan kemelesetan ekonomi pada 1986, beliau membuka ekonomi kepada pelabur asing dengan syarikat-syarikat Jepun telah beralih kepada Asia Tenggara dan Malaysia pula memperoleh sebahagian besar manfaatnya.

Sekali lagi pada 1997, beliau memilih laluan yang berbeza iaitu mengenakan kawalan matawang dan meletakkan semula negara ke arah pemulihan, kata Business Times.

Sementara itu, akhbar berbahasa Inggeris "Today" pula memuatkan laporan mengenai Dr Mahathir dalam muka depannya dengan tajuk: "Satu era berakhir hari ini dan Dr M bersedia belayar sendirian."

Selepas 22 tahun dengan retorik politik dan pengumuman peletakan

jawatan yang mengejutkan pada Jun tahun lepas, Dr Mahathir akhirnya bersara untuk "belayar mengelilingi dunia seorang diri," akhbar itu memetik kata-kata Perdana Menteri semalam.

Akhbar-akhbar Malaysia pula, katanya, bersaing antara satu sama lain untuk menawarkan edisi khas "Dr M" yang paling tebal hari ini.

The Star malah mengeluarkan sendiri VCD khusus bagi mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir dengan memuatkan penghargaan daripada keluarganya, pemimpin Barisan Nasional, Ketua Pegawai Eksekutif, masyarakat di kampung halamannya dan rakyat lain, kata akhbar itu lagi.

Berita Harian pula memperuntukkan tiga muka surat bagi berita mengenai Dr Mahathir dan penggantinya, Pak Lah, dan laporan muka depan tentang nasihat terakhir Perdana Menteri Malaysia kepada masyarakat Melayu pada majlis berbuka puasa di Pusat Dagangan Dunia Putra semalam.

Stesen televisyen tempatan, Channel News Asia telah menyiarkan laporan khas mengenai Dr Mahathir dalam berita utamanya yang disiarkan pada 9.30 malam sejak beberapa hari lepas selain turut mengadakan segmen khas yang ditujukan kepada Perdana Menteri bertajuk "'Mahathir Mohamad Steps Down" dalam lawan webnya.

-- BERNAMA

SS ROS